



**TEKS UCAPAN:
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**PERASMIAN ULANG TAHUN SEDEKAD
INOVASI BERSAMA SPEKAR ANGKASA
DAN MAJLIS PENGHARGAAN**



PELANGGAN SPEKAR

**7 MAC 2023 (KHAMIS)
PULSE GRANDE HOTEL, PUTRAJAYA
11.15 PAGI**

Bismiilahirrahmanirrahim



Assalamualaikum
Wabarakatuh

Warahmatullahi

Salam Malaysia MADANI dan Salam
Koperasi,

**[PROTOKOL SAPAAN DISEDIAKAN URUS
SETIA MAJLIS]**



Para hadirin yang dihormati,

1. Syukur ke hadrat Illahi kerana kita dapat bersama-sama dalam majlis yang penuh bermakna pada hari ini bagi menyambut **Ulang Tahun Sedekad Inovasi bersama SPeKAR dan**



Majlis Penghargaan Pelanggan SPeKAR.

2. Di kesempatan ini, saya mewakili kepimpinan tertinggi ANGKASA serta gerakan koperasi mengucapkan setinggi – tinggi penghargaan kepada **Menteri Pembangunan Usahawan dan**



Koperasi (KUSKOP), YB Datuk Ewon Benedick kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama meraikan pencapaian sedekad SPeKAR pada hari ini. Kehadiran Yang Berhormat membuktikan komitmen Kementerian untuk membantu gerakan koperasi



untuk terus menjadi jentera pemacu kesejahteraan sosioekonomi rakyat.

3. Terima kasih juga diucapkan kepada rakan strategik, **Experian Information Services (M) Sdn. Bhd.** yang telah sepuluh tahun menjalinkan kerjasama dengan **ANGKASA** dalam



membangunkan ekosistem kewangan koperasi. Saya berharap kerjasama ini akan terus kekal demi manfaat kedua belah pihak.

Hadirin Hadirat yang dihormati,



4. Majlis pada hari ini adalah bagi meraikan ulang tahun pengwujudan platform **Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA dan Experian** atau lebih dikenali sebagai **SPeKAR** serta penghargaan kepada pelanggan yang telah menyumbang kepada



penggunaan sistem yang tertinggi sepanjang penubuhannya.

5. Untuk makluman semua, Sektor Perkhidmatan Kewangan Koperasi adalah sektor perkhidmatan yang tertua di negara ini. Mengimbuu sejarah pada tahun 1922, aktiviti kredit



berkaitan perkhidmatan kewangan telah dijalankan oleh koperasi pada masa tersebut iaitu Syarikat Kerjasama Jimat Cermat Pinjaman Wang Pekerja Pejabat Pos Telekom Berhad.

6. Bermula daripada era tersebut sehingga 30 Jun 2023, sebanyak **2**



bank koperasi dan 561 buah koperasi kredit telah ditubuhkan. Keanggotaan pula seramai **2.09 juta anggota**. Jumlah **model syer/ yuran** sebanyak **RM11.3 bilion** dan mempunyai **aset sebanyak RM142.6 bilion**. Perolehan sehingga **31 Disember 2022** adalah sebanyak **RM38.5 bilion**. Sejarah yang



panjang itu telah banyak
mencorakkan landskap gerakan
koperasi di Malaysia.

7. Dalam memantapkan lagi
perkhidmatan kredit gerakan koperasi
seiring dengan
hala tuju ANGKASA yang terkandung



dalam Pelan Strategik ANGKASA 2050 (PESAN50), ANGKASA mengambil inisiatif mewujudkan satu rangkaian perkhidmatan yang dinamakan Ekosistem Kredit Koperasi. Ekosistem ini mampu melonjakkan standard dan kualiti koperasi di Malaysia setara



dengan institusi pembiayaan yang lain.

8. Produk di bawah Ekosistem ini adalah termasuk Sistem Pelaporan Kredit ANKASA & EXPERIAN, Portal MyAzzahra, Sistem Potongan Gaji ANKASA, Tawaruq ANKASA, Non-



Bank Leader Credit Information (NLCI) dan Perkhidmatan Kutipan dan Pemulihan Kredit ANGKASA (ACCRS).

Hadirin Hadirat yang dihormati,

9. Pada tahun 2012, ANGKASA mengambil inisiatif memperluaskan



akses pengguna kepada pelaporan maklumat kredit menerusi kerjasama dengan EXPERIAN Information Services (Malaysia) Sdn. Bhd. yang merupakan salah sebuah agensi pelaporan kredit.

(untuk makluman Presiden)



ANGKASA melalui Sistem Potongan Gaji ANGGKASA (SPGA) menguruskan rekod potongan gaji berjumlah 2.9 juta data mewakili 1.2 juta anggota bagi tahun 2023

10. Ini bertitik tolak daripada cabaran yang dihadapi oleh sebahagian



koperasi kredit terutamanya koperasi kecil dan sederhana yang belum mampu untuk mempunyai sebuah sistem pelaporan kredit untuk membantu semakin penilaian kredit anggota koperasi yang berhasrat untuk membuat pinjaman. Dengan adanya SPeKAR, koperasi dapat



membuat penilaian dan pertimbangan dengan lebih komprehensif sebelum meluluskan sesuatu pembiayaan kepada anggota mereka.

11. Penubuhan SPeKAR merupakan inovasi dalam sistem pelaporan



maklumat kredit kepada semua koperasi dan institusi kewangan selaras dengan Garis Panduan 7A oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Langkah-Langkah Kestabilan Kewangan Menurut Seksyen 31 Akta Bank Negara 2009. SPeKAR juga satu-



satunya sistem pencarian kredit yang lengkap yang ada di Malaysia.

12. Hasil kerjasama strategik antara ANGKASA dan EXPERIAN, kita berjaya menghasilkan sebuah sistem pelaporan kredit mampu milik khusus bagi sektor koperasi. Sepanjang



tempoh 10 tahun penubuhannya, SPeKAR telah berjaya memberikan perkhidmatan kepada **328 organisasi pelanggan dimana 267 adalah dari sektor koperasi.**

13. Setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Suruhanjaya



Koperasi Malaysia (SKM) yang memberi sokongan dan memberi pengiktirafan kepada SPEKAR pada tahun 2015. Dengan pengiktirafan ini, SPEKAR juga boleh diguna pakai sebagai alternatif dokumen rasmi dalam proses penentusahan pelantikan atau pelantikan semula



Anggota
Lembaga Koperasi sepertimana Garis
Panduan (GP03).

Hadirin Hadirat yang dihormati,

14. Seperti yang sedia maklum, data maklumat kredit bagi setiap individu



yang meminjam dengan bank akan dipaparkan di sebuah platform yang diberi nama **Central Credit Reference Information System (CCRIS).**

15. Justeru untuk memantapkan perkhidmatan SPEKAR, platform **Trade Bureau** diwujudkan bagi memberi



peluang kepada koperasi ataupun agensi pembiayaan bukan perbankan untuk menyalurkan corak pembayaran kredit setiap individu.

16. Sumbangan maklumat kredit ini akan membantu memperluaskan skop kepelbagaian perolehan data serta



penilaian bagi semua pelanggan SPeKAR merangkumi maklumat seperti Data Maklumat Kredit Bank, Maklumat Litigasi, Status Muflis, Info Pemilikan Syarikat, Penyenaraian negatif dan Lain-Lain Maklumat Kredit.



17. ANGKASA juga akan berusaha untuk memperkasakan Ekosistem Kredit Koperasi dengan menambah data seperti hasil kerjasama dengan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Tribunal SKM dan juga menambah baik laporan sedia ada sebagai contoh mewujudkan



pemarkahan kredit atau credit scoring di dalam laporan Sistem Potongan Gaji ANGKASA (SPGA).

18. Usaha ini adalah selaras dengan menyokong Strategi 17 (Meningkatkan sumbangan sektor koperasi dalam industri) dalam Dasar Koperasi



Malaysia (DAKOM) 2030 bagi mencapai sasaran perolehan koperasi sebanyak RM73 Bilion menjelang 2030.

Hadirin Hadirat yang dihormati,

19. Sekali lagi saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada YB Datuk



Ewon Benedick kerana sentiasa memberi sokongan untuk melonjakkan lagi pencapaian gerakan koperasi negara.

20. ANGKASA mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pelanggan yang setia bersama



SPeKAR. Semoga kejayaan yang dipacu selama sedekad ini akan berterusan dan bertambah baik pada masa hadapan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.